



PERTANDINGAN HOKI 6/7 SEBELAH TERTUTUP/JEMPUTAN UMS KE-4 ANJURAN SAINS SUKAN SPPS

Pelajar Sains Sukan SPPS Tahun 2 Challanger telah menganjurkan Pertandingan Hoki 6/7 Sebelah Jemputan UMS kali ke-4 pada 31 Oktober hingga 2 Nov 2008 bertempat di Stadium Astroturf UMS. Pertandingan telah disertai oleh pasukan lelaki dan wanita dalam kategori tertutup iaitu dalam kalangan pelajar universiti sendiri dan kategori jemputan iaitu pelajar sekolah sekitar Bandaraya Kota Kinabalu. Sebanyak 23 pasukan telah mengambil bahagian dalam pertandingan kali ini masing-masing 15 pasukan lelaki dan enam pasukan wanita.

Pasukan SMK Tamparuli telah dinobatkan Johan kategori lelaki sementara tempat kedua telah dimenangi oleh pasukan Kokum UMS dan Maktab Sabah tempat ketiga. Bagi kategori wanita pula, pasukan Champion dari program Sains Sukan SPPS telah berjaya mempertahankan kejuaraan sekali lagi selepas memenanginya dalam edisi lepas. Tempat kedua disandang oleh pasukan SMK Tun Fuad Stephen, sementara pasukan Maktab Sabah tempat ketiga. Pemenang telah menerima hadiah piala pusingan, wang tunai, medal dan sijil penyertaan. Hadiah telah disampaikan oleh YM Raja Ismail Raja Lope Ahmad mewakili Dekan SPPS, yang juga penasihat kejohanan ini.

Kejohanan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan siratulrahim mahasiswa dan mahasiswi UMS dengan masyarakat luar kampus, menarik minat bermain hoki di samping mendedahkan pelajar Sains Sukan kepada aspek penganjuran sesuatu pertandingan hoki. Adalah diharapkan pertandingan ini akan dapat diteruskan pada tahun-tahun akan datang dengan lebih meriah lagi.

